

29 DEC 1996

Duta - Kronologi

PEMBEBASAN DUTA KEJAYAAN DIPLOMASI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Pembebasan duta Malaysia ke Peru Ahmad Mokhtar Selat setelah ditahan selama 12 hari oleh gerila Pergerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA) merupakan kejayaan dasar luar Malaysia yang menekankan kepada diplomasi bagi menangani sesuatu masalah.

Segala-segalanya bermula pada 17 Dis apabila gerila MRTA menahan kira-kira 500 orang terdiri daripada duta, diplomat, ahli-ahli perniagaan dan orang kenamaan asing di kediaman duta Jepun Morihisa Aoki di Lima semasa majlis ulang tahun keputeraan Maharaja Akhito ke-63.

Berikut ialah sorotan krisis tebusan:

17 Dis: beberapa jam selepas peristiwa itu bermula gerila MRTA membebaskan lebih 80 tebusan kebanyakan wanita dan orang tua termasuk ibu dan kakak Presiden Alberto Fujimori.

18 Dis: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan antara mereka yang ditahan ialah duta Malaysia ke Peru Ahmad Mokhtar Selat.

18 Dis: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar surat kepada Presiden Fujimori memintanya campur tangan dalam membebaskan tahanan berkenaan.

18 Dis: Gerila terus mengancam membunuh tebusan jika lebih 400 rakan mereka termasuk pemimpinnya Victor Polay Campos tidak dibebaskan dari penjara Peru.

Gerila kemudian membebaskan duta Jerman, Kanada, Greece dan seorang diplomat Peru.

19 Dis: Gerila membebaskan tiga lagi tebusan. Menteri Luar Jepun Yukihiko Ikeda tiba di Lima untuk merundingkan pembebasan tebusan secara aman.

19 Dis: Ahmad Mokhtar menghantar mesej mengandungi permintaan gerila yang meminta Malaysia memujuk kerajaan Fujimori berunding dengan mereka.

19 Dis: Dalam reaksinya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau yakin Fujimori mampu menyelesaikan krisis ini tanpa diberikan tekanan kepadanya dan yakin beliau memahami perasaan Malaysia.

20 Dis: Gerila membebaskan 38 tebusan termasuk duta Brazil, Korea Selatan dan Mesir.

21 Dis: Gerila membuat lebih banyak tuntutan termasuk dalam perubahan dasar ekonomi kerajaan Peru. Dalam kenyataan pertamanya Fujimori menolak segala tuntutan itu.

21 Dis: Duta Malaysia ke Brazil Datuk Zainal Abidin Zain tiba di Lima bagi mengambil alih buat sementara tugas pentadbiran kedutaan Malaysia di Lima.

21 Dis: Ahmad Mokhtar mengutus surat kepada isterinya Jeliah Ghalim menasihati keluarganya jangan bimbang dengan keadaannya.

22 Dis: Gerila membebaskan kumpulan terbesar tebusan, seramai 225 orang termasuk Duta Austria, Cuba, Venezuela, Panama, Sepanyol dan diplomat Amerika Syarikat.

24 Dis: Duta Uruguay Tabari Bocalandro dibebaskan.

24 Dis: Ahmad Mokhtar mengutus sepucuk surat lagi kepada isterinya menyatakan dirinya sihat.

Setiausaha agung DAP Lim Kit Siang meminta kerajaan menghantar seorang menteri ke Peru jika Ahmad Mokhtar tidak dibebaskan sebelum Krismas.

25 Dis: Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berlepas ke Peru dalam misi khas atas arahan Perdana Menteri bagi meningkatkan usaha pembebasan Ahmad Mokhtar.

25 Dis: Kesemua tebusan "menyambut" Krismas dengan makanan khas serta pertunjukan nyanyian.

26 Dis: Duta Guatemala Jose Maria Argueta dibebaskan. Abdullah tiba di Lima. Satu letupan dilaporkan berlaku di luar kediaman duta Jepun di Lima.

27 Dis: Abdullah Ahmad berbincang dengan Fujimori mengenai pembebasan Ahmad Mokhtar.

27 Dis Presiden Fujimori mengistiharkan perintah darurat selama 60 hari di Lima.

29 Dis: 20 tebusan termasuk Ahmad Mokhtar dan Duta Republik Dominica, Jose Diaz Valdeparres dibebaskan.

Kini masih terdapat 83 tebusan antaranya Duta Honduras, Jepun dan Konsul Besar Argentina, tiga orang menteri Peru yang belum dibebaskan. Selain itu berpuluh orang ahli perniagaan Jepun dan berpuluh orang tokoh politik Peru masih ditahan.

-- BERNAMA

RV HT FAZ